

SPESIFIKASI PENYELENGGARAAN PARIT/ TALIAIR
DI SEBERANG PERAI TENGAH

1. Sebutharga ini adalah termasuk menyediakan segala tenaga manusia, mesin backhoe, lori dan mesin memotong rumput dan lain-lain alat perkakas yang diperlukan untuk membersihkan parit / taliair.
2. Pejabat ini berhak membatalkan mana parit dan taliair yang didapati tidak perlu dibersihkan dan bayaran tidak akan dibuat untuk sungai, parit dan taliair yang pembersihannya telah dibatalkan.
3. Senarai pembersihan parit / taliair adalah seperti di dalam Jadual Harga pemborong mesti menjalankan dan menyiapkan kerja dengan tepatnya mengikut senarai, tarikh dan jadual yang ditetapkan.
4. Pembersihan **parit/taliair** meliputi kerja-kerja menebas dan memotong segala rumput, kemilin, lumut dan lain-lain tumbuhan serta membuang segala sampah-sarap di dalam parit dan kedua-dua cerunnya. Rumput dan pokok yang siap ditebas dan dipotong hendaklah tidak melebihi 2 inci tebal.
5. Sebutharga ini termasuk mengangkut keluar sampah dari tapak ke tempat pelupusan yang disahkan seperti arahan dan persetujuan pegawai penjaga. Sampah dikumpul di lokasi sekitar struktur-struktur dalam kawasan lingkungan sebutharga ini termasuk sekitar ban taliair/parit yang berkaitan.
6. Pemborong hendaklah mengangkut keluar segala tumbuh-tumbuhan dan sampah-sarap yang dibersihkan/dipotong dari dalam parit dan tebing taliair ke tempat yang tidak mengganggu aliran air atau mengikut arahan pegawai penjaga..
7. Kegunaan sebarang racun rumput dan membakar sisa pembersihan dilarang sama sekali kecuali mendapat kebenaran daripada jabatan ini.
8. Sebarang kerosakan yang dilakukan oleh pemborong, wakilnya atau orang pekerjanya ke atas harta kerajaan atau harta persendirian mestilah dibaiki semula seperti sedia ada dengan segala kos ditanggung oleh pemborong.
9. Gambar di tiga bahagian sebelum dan sesudah pembersihan setiap parit / taliair hendaklah diambil dan dikemukakan ke pejabat ini selepas siapnya setiap pusingan. Gambar hendaklah diambil di kedudukan dan pandangan yang sama pada sebelum/semasa/selepas kerja.

10. Memotong dahan-dahan yang menghalang laulan air hingga ke paras 1 meter dari paras air tertinggi. Mencantas dahan, ranting pokok dan akar-akar yang terjulur ke dalam parit.
11. Pemborong hendaklah mengikut perimeter kerja a, b, c, d, e, f & g yang telah ditetapkan oleh pejabat ini seperti rajah di bawah.9Mengikut lokasi di tapak /berkenaan sahaja.)

Spesifikasi 1 hingga 10 di atas perlu dipatuhi oleh kontraktor semasa menjalankan kerja-kerja sebutarga selain dari spesifikasi yang terkandung di dalam Spesifikasi Pembersihan Parit / Taliair

| | | |
|----------------------------------|---|--------------------------|
| |) | Tandatangan Kontraktor : |
| Spesifikasi di atas telah dibaca |) | Nama |
| |) | dan Cop |
| Dan difahami sepenuhnya |) | |

